# แบบประเมินผลหลังเรียน
# Post-Test

**Bacalah petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut:**
(ข้อสอบความเข้าใจจงอ่านข้อความข้างล่างนี้ แล้วตอบคำถามตามความเข้าใจของท่าน)

**Saya Sepohon Pokok Rambutan**

Saya sepohon pokok rambutan. Badan saya berkulit kesat dan rendang. Saya mempunyai batang, dahan, ranting, bunga, buah, daun dan akar. Akar tunjang dan akar-akar lain menolong saya tegak di atas tanah. Selain daripada itu akar saya juga menolong mencari makanan dan minuman.

Pada badan saya ada dahan dan ranting. Ranting ini lebih kecil daripada dahan. Pada ranting pula terdapat banyak daun. Kebanyakan daun saya berwarna hijau. Daun-daun saya itu membuat makanan. Makanan itu dibuat waktu siang sahaja. Untuk hidup subur saya perlukan air, makanan, udara dan cahaya matahari yang cukup.

Saya berbuah mengikut musim. Biasanya saya mengeluarkan buah yang banyak. Kulit buah saya berambut dan berwarna merah apabila masak. Buah pokok rambutan lain pula ada yang buahnya berwarna kuning apabila masak. Sebelum saya mengeluarkan buah, saya akan berbunga. Kadang-kadang bunga saya dirosakkan oleh musuh saya. Isi buah saya manis dan suka dimakan oleh manusia dan haiwan. Selain daripada itu, isi buah saya boleh dijadikan jem dan dimasukkan ke dalam tin untuk dijual ke luar negeri.

Jawablah pertanyaan-pertanyaan di bawah ini!

1. Siapakah saya?

   ..............................................................................................

2. Bagaimana saya boleh berdiri tegak?

   ..............................................................................................

3. Tuliskan apa yang ada pada badan saya?

   ..............................................................................................

4. Mengapa manusia dan haiwan suka makan buah rambutan?

   ..............................................................................................

5. Bagaimana daun membuat makanan?

   ..............................................................................................

6. Bila pokok membuat makanan?

   ..............................................................................................

7. Bagaimana kulit buah rambutan?

   ..............................................................................................

8. Apakah isi buah rambutan boleh dijadikan?

   ..............................................................................................

9. Mengapa bunga rambutan gugur?

   ..............................................................................................

10. Apakah yang dimaksudkan musuh rambutan?

    ..............................................................................................

**Pilihlah jawapan yang tepat untuk soalan- soalan yang berikut**

**(จงเลือกคำตอบที่ถูกต้องสำหรับเติมช่องว่างในข้อความต่อไปนี้)**

11. Mahasiswa itu rajin sekali. Ayat in mempunyai pola subjek-predikat.............

    a) Frasa nama + Farsa nama　　b) Frasa Nama + Farsa sendi nama

    c) Frasa nama + Farsa Kerja　　d) Frasa Nama + Frasa Adjektif

12. Ibu saya menggoreng ikan. ***Bentuk negative*** dari ayat tersebut adalah.........

a) Ibu saya tidak menggoreng ikan. b) Ibu saya bukan menggoreng ikan.

c) Ibu saya jangan menggoreng ikan. d) Ibu saya akan menggoreng ikan.

13. Perkataan di bawah ini sama maknanya dengan kata awak, kecuali.........

a) kita b) anda c) engkau d) kamu

14. Fatimah membeli.........kasut di Robinson kelmarin.

a) sebuah b) sepotong c) sepasang d) sebiji

15. Ayat 1: Lina adalah wanita yang cantik.

Ayat 2: Lina adalah wanita yang pandai.

Ayat majmuk yang benar binaan dari ayat-ayat di atas iaitu:

a) Lina adalah wanita yang cantik tetapi pandai.

b) Lina adalah wanita yang cantik bukannya pandai.

c) Lina adalah wanita yang bukan hanya cantik sahaja bahkan dia juga pandai.

d) Lina adalah wanita yang cantik atau pandai.

16. Manakah ayat-ayat di bawah ini yang menggunakan tanda baca yang betul?

a) Tadi Usman pergi ke kedai buku Jaya untuk membeli buku, pensel, dan pen.

b) Tadi usman pergi ke kedai buku Jaya untuk membeli buku, pensel, dan pen.

c) Tadi usman pergi ke kedai buku Jaya untuk membeli buku, pensel, dan pen.

d) Tadi Usman pergi ke kedai buku Jaya untuk membeli buku, pensel, dan pen.

17. Benang terbuat....................kapas?

a) daripada b) dari c) untuk d) di

18. Berikut ini adalah pembahasaan dalam surat tak rasmi, kecuali.........

a) anakanda b) ninda c) bonda d) tuan

19. Tempat yang digunakan untuk meminjam dan membaca buku disebut.........

a) Bilik makmal bahasa b) Muzium

c) Perpustakaan d) Kedai buku

20. Di bawah ini adalah kata ganda, kecuali ..............

a) sayur-mayur b) buah-buahan c) lauk-pauk d) kuning-langsat

**Jawablah soalan di bawah ini dengan menyebutkan simpulan bahasa yang tepat! (เติมสำนวนที่ถูกต้องในช่องว่าง)**

Contoh: Orang yang mudah sekali marah disebut .......***naik angin*** ......

21. Orang yang sangat dikasihi disebut ......................
22. Orang yang suka minum alkohol/arak disebut ......................
23. Orang yang suka berjalan tanpa kasut disebut ......................
24. Orang yang tidak adil disebut ......................
25. Orang yang bertugas membantu ketua di pejabat disebut ......................
26. Orang yang selalu menderma disebut ......................
27. Orang yang memakai semua bahagian jalan masa memandu disebut.............
28. Orang yang selalu gagal dalam peperiksaan disebut .................
29. Orang gemar sekali akan bola sepak disebut .................
30. Orang yang tidak senang hati akan kejayaan orang lain disebut .................

**Pasangkan bahagian A dengan bahagian B, yang merupakan perkataan yang berlawanan erti. จงจับคู่ข้อความในข้อ A และ B ที่มีความหมายตรงกันข้าม**

| | |
|---|---|
| .................. 31. besar | a. gelap |
| .................. 32. bersih | b. penuh |
| .................. 33. gemuk | c. kurus |
| .................. 34. tebal | d. lemah |
| .................. 35. terang | e. kecil |
| .................. 36. cantik | f. rendah |
| .................. 37. kosong | g. kotor |

.................. 38. muda　　　　h. tua

.................. 39. tinggi　　　　i. nipis

.................. 40. kuat　　　　j. buruk

**Susunlah perkataan-perkataan berikut ini menjadi ayat-ayat yang betul.**
**(จงเรียบเรียงคำในแต่ละข้อให้เป็นข้อความหรือประโยคที่ถูกต้อง**

Contoh: Soalan : di universiti, dia, belajar, Bangkok, Ramkhamhaeng.

Jawapan: .......**Dia belajar di Universiti Ramkhamhaeng, Bangkok....**

41. membasuh, sebelum, ke pasar, ibu, baju, dulu.

    ..........................................................................................................

42. menggunakan, penghuni rumah itu, air itu, memasak, mandi, dan, untuk.

    ..........................................................................................................

43. Pattani, saya, di daerah, bandar, tinggal, wilayah.

    ..........................................................................................................

44. makan angin, Usman, akan, di rumah kawannya, petang ini.

    ..........................................................................................................

45. Razak, bernama, anaknya, sulung, yang.

    ..........................................................................................................

**Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan menggunakan pola ayat Subjek+Predikat**
**(แต่งประโยคต่อไปนี้ให้สมบูรณ์โดยใช้โครงสร้าง Subjek+Predikat**

**ตัวอย่างเช่น** Mereka .................. = Mereka tinggal di kampung.

**หรือ** .................sangat pandai. = Budak lelaki itu sangat pandai.

46. Bapaknya ......................................

47. ...................................... bagus sekali

48. Ibunya ...................................

49. .................................... di depan Universiti Ramkhamhaeng.

50. Buah hatinya ......................................

**Salin petikan di bawah ini semula dengan menggunakan tanda bacaan yang sesuai (จงลอกข้อความต่อไปนี้ใหม่ โดยการใช้เครื่องหมายวรรคตอนที่เหมาะสม)**

5.1 negara thai mengalami musim panas dan musim hujan biasanya cuaca panas yang berpanjangan boleh menyebabkun kemarau semasa kemarau ada tempat-tempat seperti sungai telaga kolam dan lombong menjadi kering-kontang kita susah hendak mendapat air untuk minum mandi dan mencuci pakaian.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

## เฉลยคำตอบแบบประเมินผลหลังเรียน

1. Saya sepohon pokok rambutan.
2. Saya boleh berdiri tegak dangan akar tunjang dan akar-akar lain.
3. Yang ada pada badan saya ialah batung yang berkulit kesat dan rendang, dahan, ranting, bunga, buah, daun, akar
4. Manusia dan haiwan suka makan buah rambutan kerana isi buah rambutan manis.
5. Daun membuat makanan pada waktu siang dengan menggunakan udara dan cahaya matahari.
6. Pokok membuat makanan pada waktu siang sahaja.
7. Kulit buah rambutan berambut dan berwarna merah apabila masak.
8. Isi buah rambutan boleh dijadikan jem dan dimasukkan ke dalam tin untuk dijual ke luar negeri.
9. Bunga rambutan gugur kerana dirosakkan oleh musuhnya.
10. Musuh rambutan ialah serangga.
11. d
12. a
13. a
14. c
15. c
16. a
17. a
18. d
19. c
20. d

21. buah hati

22. kaki botol

23. kaki ayam

24. berat sebelah

25. kakitangan

26. murah hati

27. makan jalan

28. otak udang/otak beku

29 kaki bola

30. iri hati

31. e

32. g

33. c

34. i

35. a

36. j

37. b

38. h

39. f

40. d

41. Ibu sebelum ke pasar membasuh baju dulu./ Sebelum ke pasar, ibu membasuh baju dulu./Ibu membasuh baju dulu sebelum ke pasar.

42. Penghuni rumah itu menggunakan air itu untuk memasak dan mandi.

43. Saya tinggal di daerah Bandar, wilayah Pattani.

44. Usman akan makan angin di rumah kawannya petang ini./
Petang ini, Usman akan makan angin di rumah kawannya.
45. Anaknya yang sulung bernama Razak.
46. Seorang guru bahasa Melayu./
sedang minum petang./
lebih sihat daripada ibunya.
47. Anak Encik Ali/Adiknya/Kawan saya
48. pergi ke pasar/sedang masak kari ikan/ ke kedai runcit/dari rumah neneknya di kampung.
49. Adiknya/Saya tinggal/Puan Marati/dll.
50. Seorang jururawat/tidak suka makan durian/dari Pattani, dll.
51. Negara Thai mengalami musim panas dan musim hujan. Biasanya, cuaca panas yang berpanjangan boleh menyebabkan kemarau. Semasa kemarau ada tempat-tempat seperti sungai, telaga, kolam dan lombong menjadi kering-kontang. Kita susah hendak mendapat air untuk minum, mandi dan mencuci pakaian.

(ประเทศไทยเป็นประเทศที่มีทั้งฤดูร้อนและฤดูฝน โดยปกติ อากาศร้อนอันยาวนานทำให้เกิดความแห้งแล้งได้ ในเวลาที่แห้งแล้งตามที่ (สถานที่) ต่าง ๆ เช่น แม่น้ำ บ่อน้ำ สระน้ำ และบ่อแร่ต่างแห้งเหือด พวกเราจะหาน้ำสำหรับ (กิน) (ดื่ม) อาบน้ำและซักเสื้อผ้าได้ยากลำบาก)